

06/08/2003

Kelantan, Terengganu cuba nafi hadapi masalah air

Misiah Taib

KERAJAAN Pas Kelantan dan Terengganu, sekali lagi mencuri tumpuan apabila enggan merestui keputusan Kerajaan Pusat mengambilalih pengurusan air di setiap negeri. Seperti biasa, mereka juga akan 'mencuri kesempatan' untuk mempolitikkan apa juga isu termasuk isu air, sehingga sanggup mengeneipkan nasib rakyat.

Walaupun rasional di sebalik hasrat kerajaan itu adalah demi menjamin kesejahteraan rakyat dan memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih mencukupi pada kadar harga berpatutan, pembangkang jelas lebih suka mempolitikkan isu berkenaan.

Harus diingat Kerajaan Pusat membuat keputusan mengambilalih pengurusan air di semua negeri selepas mendapati banyak masalah timbul ketika bekalan air di bawah pentadbiran negeri.

Kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk menguruskan dan membekalkan air, tetapi setiap bulan masih kerugian berjuta-juta ringgit kerana masalah seperti tidak mendapat bayaran, kehilangan dan kecurian air.

Justeru, Kerajaan Pusat bersedia mengambilalih pengurusan air di semua negeri, bagi menangani masalah berkenaan, demi kepentingan rakyat dan negara.

Ketika semua negeri memberi persetujuan terhadap hasrat Kerajaan Pusat itu, kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu mengambil sikap untuk 'membangkang'.

Pemangku Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menganggap pengambilalihan itu sebagai tidak perlu kerana bekalan air di Terengganu sudah dikorporatkan dan dikendalikan dengan cukup efisien.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pula tidak setuju dengan pengambilalihan pengurusan bekalan air oleh Kerajaan Pusat kerana menganggap pengurusan yang dikendalikan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sudah cukup berkesan.

Malah, beliau menganggap urusan air dan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan beliau tidak faham mengapa urusan penting seumpama itu perlu dipindahkan kepada Kerajaan Pusat.

Gambaran yang cuba diberikan oleh kerajaan Pas di dua negeri terbabit ialah seolah-olah rakyat Kelantan dan Terengganu sudah berpuas hati sepenuhnya terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh AKSB dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (Satu).

Namun hakikatnya, Pas cuba menafikan rintihan rakyat di sesetengah kawasan di dua negeri berkenaan.

Masih banyak aduan kedengaran di dua negeri terbabit mengenai masalah gangguan air, kekurangan bekalan, bekalan air terputus, malah bekalan air kurang bersih dan pengguna terpaksa membayar bil yang agak tinggi untuk bekalan yang tidak cekap.

Di Terengganu misalnya, antara kawasan yang dilaporkan masih menghadapi masalah bekalan air ialah utara Kuala Terengganu terutama di Batu Rakit dan sekitarnya, selain di Kampung Tanjung Sabtu, Mahir, Mukim Tepoh dan Kampung Bukit Parit, Pengkalan Berangan, Marang.

Kawasan terbabit dikatakan menghadapi masalah tekanan air rendah dan kerap kali terputus bekalan air terutama pada waktu penggunaan puncak.

Akibatnya, catuan bekalan air terpaksa diadakan di kawasan itu pada waktu malam untuk menyimpan air dan meningkatkan paras air dalam tangki

air kawasan terbabit untuk keperluan waktu siang.

Semuanya, gara-gara kekurangan bekalan air pada keseluruhannya di Kuala Terengganu. Jadi di manakah rasionalnya kenyataan Abdul Hadi, yang mendakwa negeri itu tidak menghadapi masalah dan mempunyai bekalan air yang lebih dari mencukupi?

Malah, dengan lantang Hadi juga menyatakan kesediaan Terengganu membantu negeri lain yang menghadapi masalah bekalan air. Kalau dah bekalan di dalam negeri itu sendiri tidak mencukupi, bagaimana ia hendak membantu negeri lain pula.

Begitu juga di Kelantan, selain tidak mendapat bekalan air yang ditapis dengan baik, penduduk di Kampung Kubang Telaga Gunong, Bachok, baru-baru ini pernah mengadu sering terputus bekalan air sehingga mereka menyuarakan rasa kurang puas hati terhadap perkhidmatan AKSB.

Jadi adakah wajar kerajaan di dua negeri terbabit menolak tangan yang dihulurkan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu mereka dalam menangani masalah bekalan air?

Perdana Menteri sendiri agak kecewa dengan keputusan dua negeri berkenaan yang 'minta dikecualikan' daripada pengambilalihan pengurusan air itu.

Tidak hairanlah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lantang menyuarakan betapa Kerajaan Pusat tidak akan memberi bantuan kewangan kepada dua negeri terbabit untuk pengurusan airnya, berikutan keengganan mereka membenarkan Kerajaan Pusat mengambil alih.

Perdana Menteri berkata, pada masa sekarang pun dua negeri terbabit tidak dapat membekalkan air, jadi jika mereka meminta lebih banyak bantuan kewangan, Kerajaan Pusat tidak boleh beri. Malah, segala bantuan kewangan yang telah diberikan Kerajaan Pusat perlu dibayar semula oleh kedua-dua kerajaan negeri terbabit.

"Saya tak tahu macam mana Kelantan dan Terengganu nak kecualikan diri mereka sedangkan mereka tak mempunyai wang yang cukup dan menghadapi lebih banyak masalah daripada negeri lain.

"Di Kelantan umpamanya, mereka tak dapat bekal air yang ditapis dengan baik. Airnya nampak kelabu dan mereka sering meminta-minta pinjaman, bantuan daripada Kerajaan Pusat.

"Tak sikit yang diminta itu, minta sampai RM600 juta. Ini menunjukkan bahawa mereka tak mampu. Kalau kita tak bagi bantuan, maka orang Kelantan tak mungkin dapat air yang boleh diminum," kata Dr Mahathir.

Seorang profesional mengenai sumber air yang diminta pandangan mengenai isu ini menganggap kerajaan di semua negeri perlu melihat rasional dari segi cadangan kerajaan mengambilalih pengurusan air di setiap negeri dan apa yang perlu diselesaikan sekarang ialah isu pokok.

Ahli Majlis Persatuan Air Malaysia, Datuk Dr Mohd Akbar Johari, yang lebih suka melihat isu itu secara profesional dan ekonomik berkata, memanglah secara dasarnya perlembagaan menetapkan air dan tanah hak pengurusan negeri masing-masing.

"Isu sebenar sekarang ialah kerajaan nak memastikan perkhidmatan bekalan air dijalankan dan dilaksanakan dengan sempurna untuk kepentingan rakyat, kepentingan pembangunan dan kepentingan setiap sektor, baik domestik, komersil, bisnes dan yang lebih penting sektor industri bagi menjana ekonomi," katanya.

Katanya, apa yang berlaku sekarang ialah daripada 17 pihak berkuasa air di seluruh negara, sembilan daripadanya tidak mampu menampung kos operasi.

"Jangan cerita nak dapat keuntungan, kos operasi pun tak dapat nak tampung. Ini termasuk untuk penyelenggaraan sistem merawat air dan untuk membaca meter. Kita juga nak bina empangan, nak bina pusat rawatan, pemasangan paip.

"Untuk ini semua pun tidak mencukupi daripada hasil setiap

bulan...setiap tahun. Kita nampak, kos operasi pun tak cukup, apatah lagi kalau kita campurkan sekali dengan kos modal.

"Jika kita ambil kira kos modal yang Kerajaan Pusat beri, bila kita pinjam, kita juga mesti pulang balik setiap tahun. Kalau kos operasi tidak cukup, apa hasil kita dapat setiap tahun untuk bayar balik kepada Kerajaan Pusat.

"Apa lagi kos anuiti, bayaran tahunan perjanjian antara Kementerian Kewangan dan Pegawai Kewangan Negeri. Kalau campur kos modal dan kos operasi memang tinggi dan saya rasa setiap negeri di negara ini kini berhutang purata RM1 bilion dengan Kerajaan Pusat untuk ini semua," katanya.

Hakikatnya, jelas Dr Mohd Akbar, Kerajaan Pusat lebih berkemampuan berbanding kerajaan negeri untuk menampung kesemua kos berkenaan tetapi dalam masa sama kerajaan juga tidak boleh memberikan subsidi selama-lamanya.

Di sini, katanya, perlu ada alternatif lain, termasuk dengan menswastakan bekalan air di semua negeri berbanding hanya beberapa negeri yang sudah berbuat demikian setakat ini termasuk Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu.

Beliau berkata, dari sudut kerajaan negeri juga, harus diingat bahawa hasil air kadang kala menjadi pendapatan nombor dua tertinggi, malah ada juga negeri yang mana air ialah hasil pertamanya.

"Air, hutan dan tanah adalah hasil negeri. Tidak hairanlah bagi kerajaan negeri sukar hendak melepaskan air pada Pusat," katanya.

Sebagai seorang profesional dan pernah menjadi Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan, beliau berpendapat kalau harga air tidak dinaikkan, masalah tidak akan selesai dan yang pastinya Kerajaan Pusat yang akan mengambilalih juga akan menanggung defisit selama-lamanya.

Ini tidak sukar dimengertikan kerana Malaysia adalah negara yang menawarkan harga air paling rendah kepada rakyatnya ketika ini dengan purata 59 sen bagi setiap satu meter padu.

Kadar ini jauh lebih rendah berbanding Indonesia 80 sen satu meter padu dan Singapura RM1.30 satu meter padu.

Begitu juga bagi penggunaan air untuk komersil dan industri yang mana kadar harga di Malaysia ialah RM1.40 satu meter padu, berbanding Indonesia RM2.58 satu meter padu dan Singapura RM1.69 sen satu meter padu, manakala Korea RM1.54 satu meter padu.

Kesimpulannya, perkhidmatan, kos operasi, kos modal dan kadar harga air di negara ini memang jauh lebih rendah berbanding negara lain di dunia.

Sudah sampai masanya rakyat Malaysia menerima hakikat betapa kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi yang besar untuk menyediakan bekalan air dan mereka seharusnya sanggup membayar lebih untuk perkhidmatan lebih baik.

Bagi Dr Akbar, Kerajaan Pusat juga tidak harus bertolak ansur dalam soal pengambilalihan sumber air kerana ada beberapa sungai besar yang dikongsi bersama oleh beberapa negeri dan jika tidak ada campur tangan Pusat, kemungkinan masalah akan timbul.

Soal pengurusan harian pula, sama ada dikendali oleh Kerajaan Pusat atau negeri harus diselesaikan sebaik mungkin dengan mengambil kira kepentingan rakyat secara keseluruhan, bukannya kepentingan diri mana-mana pihak.